

# Nenek terlepas dari tali gantung

25/10/95  
Utusan  
Malaysia

KUALA LUMPUR 24 Okt. — Seorang nenek, Bedah Abdullah, 50, hari ini terlepas daripada hukuman gantung sampai mati atas kesalahan mengedar 790 gram ganja apabila Mahkamah Rayuan meringankan hukuman ke atasnya kepada penjara 10 tahun.

Panel tiga hakim yang terdiri daripada Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Shaikh Daud Ismail, Datuk M. Shanker dan Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Abdul Malek Ahmad memutuskan demikian setelah membenarkan rayuan Bedah yang dikemukakan oleh peguam Kitson Foong.

Mahkamah juga sebulat suara memerintah supaya tuduhan asalanya mengikut Seksyen 39B(2) Akta Dadah

Berbahaya 1952 dipinda kepada Seksyen 39A (2).

Keputusan itu dibuat selepas mahkamah membenarkan permohonan Kitson berhubung pindaan itu yang turut dipersetujui oleh Timbalan Pendakwaraya Stanley Augustin.

Mahkamah kemudian memerintah supaya hukuman penjara ke atas Bedah berkuatkuasa dari tarikh dia ditangkap pada 3 September 1993.

Pada 8 Disember tahun lalu, Bedah dijatuhi hukuman mati oleh Mahkamah Tinggi Alur Setar setelah disabitkan kesalahan mengikut Seksyen 39B(2) akta tersebut.

Pesuruhjaya Kehakiman K.N. Segara menjatuhkan hukuman tersebut setelah

mendapati suri rumah itu bersalah mengedar 790 gram ganja di Pondok Polis Laka Temin, Bukit Kayu Hitam, Kubang Pasu, Kedah pada pukul 12.30 tengah hari 3 September 1993.

Menurut keterangan kes, Bedah telah ditahan oleh sepasukan polis di dalam sebuah teksi bersama beberapa penumpang lain.

Pemeriksaan polis mendapat dia menyimpan lima paket plastik berisi daun-daun kering disyaki ganja yang dibalut dengan bengkong dan beralas dengan seluar dalam yang dipakainya semasa diperiksa di pondok polis.

Sewaktu berhujah, Kitson berkata, anak guamnya yang mempunyai tujuh orang anak dan 14 orang cucu,

kesal di atas perbuatannya dan memohon supaya hukuman penjara bermula dari tarikh dia ditangkap.

Sementara itu, Stanley pula memohon kepada mahkamah supaya mengambil kira berat ganja yang diedarkan.

Katanya, hukuman penjara antara 10 hingga 20 tahun harus dikenakan terhadap Bedah walaupun hukuman minimum mengikut Seksyen 39A(2) akta tersebut ialah selama lima tahun bagi kesalahan pertama.

Stanley juga memaklumkan bahawa Bedah tidak akan disebut kerana mengikut Kanun Prosedur Jenayah, wanita dikecualikan daripada hukuman tersebut.